



P.M. 11439/9

1 Disember 1984.

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,
Ketua-ketua Badan Berkanun Persekutuan.

SURAT PEKELILING AM BIL. 7 TAHUN 1984

PEMBERIAN CENDERAMATA

Adalah menjadi kebiasaan bagi Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan memberi cenderamata dalam berbagai bentuk, sebagai tanda kenang-kenangan, kepada para tetamu khas yang merasmikan sesuatu upacara Kerajaan.

2. Dalam hal ini, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan mendapati kebiasaan itu tidak lagi sesuai diteruskan. Oleh itu, Kerajaan telah membuat ketetapan supaya semua Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan tidak perlu lagi memberi cenderamata kepada para tetamu

khas yang merasmikan apa-apa upacara Kerajaan. Walaupun demikian, pemberian cenderamata yang berbentuk lencana (plaque) yang tidak mahal harganya, "pennant" dan barang-barang kraftangan yang dihasilkan sendiri oleh pihak pemberi cenderamata tidak ditegah.

3. Ketetapan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini.



(TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED)
Ketua Setiausaha Negara.

Salinan Kepada:

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.